



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
Malaysian Agricultural Research and Development Institute
Pusat Komunikasi Korporat
Ibu Pejabat MARDI
Persiaran MARDI-UPM
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA



Tel: 03-8953 6000
Faks: 03-8953 6011
Laman Web: www.mardi.gov.my

SIARAN MEDIA

PELANCARAN TIGA BUAH BUKU PENERBITAN MARDI

SERDANG, 9 Ogos - Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hari ini telah melancarkan tiga buah buku penerbitan MARDI sempena MAHA 2022 iaitu Buku Kilang Tanaman MARDI (Teknologi Moden Pengeluaran Tanaman Makanan), Teknologi Durian MARDI, *MARDI's Encyclopaedia of Durians*.

Pelancaran diadakan pada kali ini memperlihatkan kesungguhan MARDI mendokumenkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh pegawai dan kakitangan MARDI dalam bentuk penerbitan. Penerbitan sebegini akan menjadi bukti sumbangan dan kerja kuat MARDI dalam membangunkan dan meningkatkan sektor pertanian negara. Penerbitan ini juga akan menjadi inspirasi kepada pegawai dan kakitangan MARDI dalam menghasilkan lebih banyak lagi penerbitan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk *stakeholders* dan kumpulan sasar MARDI.

Penghasilan teknologi dan hasil maklumat kajian yang telah dijalankan oleh pasukan penyelidik MARDI ini telah digarapkan dalam bentuk penulisan yang diterbitkan dalam buku bertajuk Kilang Tanaman MARDI (Teknologi Moden Pengeluaran Tanaman Makanan). Buku Kilang Tanaman MARDI ini akan menjadi rujukan kepada petani moden, pelajar dan mereka yang berminat untuk menjalankan pengeluaran tanaman makanan berkualiti dengan teknologi kilang tanaman ini.

Kandungan buku Teknologi Durian MARDI ditulis oleh penyelidik MARDI dari pelbagai bidang pengkhususan termasuklah pembiakbakaan, agronomi, pengurusan perosak dan penyakit, pengendalian lepas tuai, mekanisasi, ekonomi dan teknologi makanan. Buku ini diterbitkan bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan penanaman durian. Buku ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada golongan sasar termasuklah pengusaha tanaman durian, penyelidik, ahli akademik, pelajar dan ejen pengembangan serta orang awam.

MARDI's Encyclopaedia of Durians boleh dijadikan panduan kepada pengusaha tanaman durian, penyelidik, ahli akademik, pelajar dan agen pengembangan serta orang awam yang berminat dengan Raja Buah Malaysia ini. Ketiga-tiga terbitan terkini MARDI boleh didapati di reruai



Penerbitan MARDI, Dewan A dan Laman Sayur sepanjang MAHA berlangsung.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nur Akmal binti Hassan
Pegawai Perhubungan Awam
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Tel: 019-455 3400
Emel : nurakmal@mardi.gov.my

Abdul Rahman bin Abdul Razak
Timbalan Pengarah
Program Perhubungan Awam
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Tel: 019-249 0204
Emel : arar@mardi.gov.my





INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
Malaysian Agricultural Research and Development Institute
Pusat Komunikasi Korporat
Ibu Pejabat MARDI
Persiaran MARDI-UPM
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA



Tel: 03-8953 6000
Faks: 03-8953 6011
Laman Web: www.mardi.gov.my

FACT SHEET

PELANCARAN TIGA BUAH BUKU PENERBITAN MARDI

PENGENALAN

1. Penerbitan buku ilmiah menjadi bukti sumbangan dan kerja kuat MARDI dalam membangunkan dan meningkatkan sektor pertanian negara. Penerbitan ini juga akan menjadi inspirasi kepada pegawai dan kakitangan MARDI dalam menghasilkan lebih banyak lagi penerbitan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk *stakeholders* dan kumpulan sasar MARDI.
 2. Penerbitan ini akan menjadi bukti sumbangan dan kerja kuat MARDI dalam membangunkan dan meningkatkan sektor pertanian negara. Penerbitan ini juga akan menjadi inspirasi kepada pegawai dan kakitangan MARDI dalam menghasilkan lebih banyak lagi penerbitan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk *stakeholder* dan kumpulan sasar MARDI.
 3. MARDI sebagai sebuah institusi penyelidikan dan pemindahan teknologi negara yang mapan sentiasa menghasilkan penemuan penyelidikan yang berkualiti dan seterusnya mendokumenkan hasil penyelidikan tersebut dalam bentuk penerbitan agar ia sampai kepada kumpulan sasar.



3 PENERBITAN

1. Kilang Tanaman MARDI (Teknologi Moden Pengeluaran Tanaman Makanan)

- Kilang Tanaman MARDI (Teknologi Moden Pengeluaran Tanaman Makanan) memberi maklumat tentang pembangunan kilang tanaman dengan keluasan 2,400 kaki persegi yang boleh memuatkan 16,000 pokok pada suatu masa. Buku ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada golongan sasar seperti petani bandar atau syarikat swasta yang berminat untuk menjalankan aktiviti pertanian bernilai tinggi di kawasan bandar. Dengan teknologi kilang tanaman ini, tanaman makanan yang berkualiti dapat dikeluarkan di kawasan bandar dan menggunakan ruang yang terhad dengan pengeluaran per kawasan yang maksimum.
- Buku ini mengandungi 14 bab yang merangkumi status semasa dan hala tuju pertanian moden, reka bentuk dan pembangunan infrastruktur kilang tanaman, bahan bagi membangunkan bangunan hijau yang jimat tenaga, sistem penghawa dingin, sistem pengawalan pengairan dan baja, sistem penanaman hidroponik bertenagak, sistem pengawalan persekitaran, pengendalian lepas tuai dan penilaian kualiti hasil, ekonomi pengeluaran serat cadangan dan hala tuju penyelidikan pembangunan industri kilang tanaman.

Penyunting : Dr Zulhazmi Sayuti

Mohammad Abid Ahmad

Masnira Mohammad Yusoff

Puteri Aminatulhawa Megat Amadin

2. Teknologi Durian MARDI

- Buku Teknologi Durian MARDI diterbitkan bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan penanaman durian. Buku ini boleh dijadikan rujukan kepada golongan sasar termasuklah pengusaha tanaman durian, penyelidik, ahli akademik, pelajar dan agen pengembangan serta orang awam.
- Sesuai dengan pendekatan dari makmal ke meja makan, buku ini mengandungi 12 bab yang merangkumi maklumat berkaitan pencirian klon durian yang terdapat di Malaysia, pembangunan indeks pemilihan durian, keserasian, klon pendebunga dan agen pendebungan, amalan kultura, mekanisasi, pengurusan penyakit dan perosak, pengendalian lepas tuai, pembangunan produk, ekonomi pengeluaran dan pemasaran durian, hala tuju penyelidikan dan pengkomersialan teknologi durian MARDI.

Penyunting : Johari Sarip, Wan Mohd Reza Ikwan Wan Hussin



3. MARDI's Encyclopaedia of Durians

- Buku MARDI's Encyclopaedia of Durians boleh dijadikan panduan kepada pengusaha tanaman durian, penyelidik, ahli akademik, pelajar dan agen pengembangan serta orang awam yang berminat dengan Raja Buah Malaysia ini. Buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris ini mengandungi 11 bab yang merangkumi senarai durian hitam dan komersial yang mana setiap jenis durian mempunyai maklumat seperti tahun pendaftaran, nama tempatan, ciri pokok, buah, bunga, daun dan sebagainya.
- Selain itu, maklumat berkenaan pengurusan penyakit dan perosak, pengendalian lepas tuai, teknologi, ekonomi, pelancongan (*durian tourism*) dan himpunan visibiliti durian MARDI dalam media elektronik dan konvensional turut dimuatkan dalam buku ini.

MAKLUMAT KEDAI BUKU PENERBITAN MARDI

1. Selain giat menjalani penyelidikan, MARDI turut menerbitkan jurnal, Laporan Tahunan, buletin, majalah, manual teknologi, siri panduan usahawan dan pelbagai lagi. Penerbitan ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada kumpulan sasar yang berkecimpung dan meminati bidang pertanian.
2. Program Penerbitan dan Sumber Ilmu (CC3) adalah dibawah Pusat Komunikasi Korporat yang bertanggungjawab menghasilkan penerbitan MARDI yang merangkumi penerbitan berkala seperti Journal of Tropical, Agriculture and Foods Science (JTAFS) dan Agromedia dan tidak berkala.
3. Semua terbitan yang diterbitkan akan melalui proses penyuntingan, reka letak atau reka grafik, semakan dan pembetulan pruf serta cetakan. Selain penerbitan berkala dan tidak berkala, Program CC3 juga turut menyediakan perkhidmatan reka grafik dan cetakan seperti kad nama, buku program, brosur, banner, bunting dan sebagainya.
4. Kedai buku MARDI terletak di Blok A6, Pusat Komunikasi Korporat, Ibu Pejabat MARDI Serdang. Kedai Buku MARDI memasarkan buku-buku berkaitan pertanian meliputi tanaman, industri makanan dan ternakan. Selain menerbitkan buku ilmiah, MARDI juga menerbitkan jurnal, Laporan Tahunan, buletin, majalah, manual teknologi, siri panduan usahawan dan



pelbagai lagi. Penerbitan ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada kumpulan sasar yg berkecimpung dan meminati bidang pertanian.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nur Akmal binti Hassan
Pegawai Perhubungan Awam
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Tel: 019-455 3400
Emel : nurakmal@mardi.gov.my

